

02 MAR 2001

Abdullah-Pelaburan

JANGAN TERTIPU DENGAN SKIM CEPAT KAYA, KATA ABDULLAH

BANGI, 2 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta masyarakat di negara ini tidak mudah terpengaruh dengan skim cepat kaya, yang akhirnya hanya merugikan mereka.

Beliau berkata, apabila muncul sesuatu skim cepat kaya, mereka yang tidak berpengetahuan mengenai pelaburan cepat terjebak kerana kononnya dijanjikan keuntungan yang besar.

"Matlamat akhirnya ialah untuk mendapat keuntungan, tetapi menerima kerugian yang besar kerana wang yang dilaburkan lesap. Penganjurnya juga telah melakukan satu kesalahan jenayah yang mesti dihukum," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika berucap melancarkan pertandingan menulis esei dan kuiz pelaburan peringkat kebangsaan sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) di sini hari ini.

Abdullah berkata, kerajaan telah mengadakan pelbagai skim saham amanah yang menguntungkan bagi semua lapisan masyarakat.

"Wang kita laburkan itu selamat serta memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan kita untuk masa depan dan keluarga kita," katanya.

Abdullah berkata, pelaburan dalam saham amanah bukan sahaja mampu menawarkan pulangan yang baik, malah risiko pelaburannya juga adalah minimum jika dibandingkan dengan bentuk pelaburan dan simpanan lain, yang terdapat di pasaran.

Beliau berkata, kerajaan juga telah mengiktiraf minggu saham amanah Malaysia sebagai agenda tahunan negara memandangkan pelaksanaannya adalah selari dengan hasrat dan cita-cita kerajaan untuk mendidik rakyat negara ini khususnya Bumiputera dalam bidang pelaburan.

Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 April di Kota Bharu, Kelantan.

Abdullah berkata, melalui pertandingan seumpama itu, kefahaman orang ramai mengenai pelaburan saham amanah dan kepentingannya kepada pertumbuhan ekonomi negara dapat dipertingkatkan.

Pertandingan esei itu dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kategori sekolah menengah, kategori umum dan kategori penulisan analisis.

Pertandingan kuiz pula terbahagi kepada dua iaitu kategori universiti dan kategori sekolah menengah.

PNB turut mengadakan anugerah rencana saham amanah, yang terbuka kepada semua wartawan, yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

-- BERNAMA

RV AFY RI